



SIARAN MEDIA

MENGENAI

EKSTRADISI INDIVIDU-INDIVIDU YANG TERLIBAT DALAM KES PENEMUAN KEM PENEMPATAN SEMENTARA DAN KUBUR DI WANG KELIAN, PERLIS

22 JUN 2023

Pada Mei 2015, Malaysia telah dikejutkan dengan penemuan kem dan kubur di Wang Kelian, Perlis yang telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan masyarakat dari dalam dan luar negara.

Susulan kejadian tersebut, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand telah menjalankan siasatan untuk mengesan dan mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab. Hasil siasatan yang dijalankan, Kerajaan Malaysia telah mengemukakan permintaan ekstradisi kepada Kerajaan Thailand ke atas sepuluh (10) individu warganegara Thailand pada 6 Januari 2017.

Sepanjang tempoh lebih enam (6) tahun ini, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand telah berusaha untuk mengesan kesemua individu tersebut bagi melaksanakan proses ekstradisi. Hasil dari kerjasama baik antara kedua-dua negara, empat (4) daripada sepuluh (10) individu telah berjaya dikesan dan dihadapkan ke mahkamah Thailand bagi tujuan ekstradisi. Kes ekstradisi ini telah berjalan di pelbagai peringkat mahkamah di Thailand dan Mahkamah Rayuan Thailand pada 30 Mac 2023 akhirnya telah mengeluarkan perintah penahanan ke atas keempat-empat individu tersebut untuk diserahkan kepada Malaysia.

Berdasarkan perintah Mahkamah Rayuan Thailand ini, penyerahan keempat-empat individu tersebut telah dilaksanakan pada 22 Jun 2023. Kesemua individu tersebut telah berada di Malaysia dan akan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kangar, Perlis pada 23 Jun 2023 bagi tujuan pertuduhan.

Kerajaan Malaysia amnya dan Kementerian Dalam Negeri khususnya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Thailand dan semua pihak yang terlibat dalam memastikan proses ekstradisi bagi kes Wang Kelian ini berjalan lancar. Kerajaan Malaysia juga berharap kerjasama ini dapat diteruskan bagi menjejaki individu-individu lain yang terlibat untuk dihadapkan ke muka pengadilan.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa komited dalam menjaga keselamatan sempadan Negara dan memandang serius isu-isu jenayah rentas sempadan khususnya jenayah pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran. Usaha berterusan melalui operasi bersepadu oleh agensi-agensi penguatkuasaan sentiasa dititikberatkan demi menjaga keselamatan dan kedaulatan negara.

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI

Kementerian Dalam Negeri
Putrajaya